




Transformasi PLKN 2016

Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) ditubuhkan oleh pihak kerajaan Malaysia bagi membina sahsiah diri serta membentuk semangat cinta akan negara atau semangat patriotik dalam kalangan generasi muda negara. Program yang bermula sejak 11 tahun lalu itu bukanlah program yang dilaksanakan bertujuan untuk mengerah tenaga dan kudrat anak muda, apatah lagi untuk meniru mana-mana contoh model daripada negara luar, misalnya program perkhidmatan negara di negara jiran, Singapura atau perkhidmatan tentera di Korea.

NURUL MUHAIMINAH ABD MUTALIB



PLKN bertujuan untuk menanamkan semangat patriotik dalam kalangan anak muda.

PLKN yang ditubuhkan pada tahun 2004 bertujuan mencapai lima objektif utama, antaranya membangunkan dan meningkatkan patriotisme dalam kalangan belia yang membawa maksud perasaan cinta yang sangat kuat terhadap negara. Hal ini merangkumi usaha belia bagi menjaga imej dan nama baik negara serta menghargai pengorbanan nenek moyang terdahulu yang sanggup bergadai nyawa untuk mencapai kemerdekaan pada masa ini. PLKN juga bertujuan untuk menggalakkan integrasi nasional dan perpaduan kaum. Masalah perkauman, seperti menghina agama dan bangsa lain perlulah ditangani dengan bijak; membina karakter melalui penekanan dalam nilai moral teras; menerapkan semangat kesukarelaan dalam kalangan remaja di negara ini; dan membina generasi muda yang berdaya tahan, sihat, dan berkeyakinan tinggi.

Sepanjang tempoh dari tahun 2004 hingga tahun 2014, PLKN berjaya melahirkan sebanyak 832 712 orang pelatih di 82 buah kem PLKN di 13 buah negeri di seluruh

Malaysia. Pada 19 April lalu, Menteri Pertahanan, Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein, mengumumkan Model Baharu Transformasi PLKN yang dijangkakan dilancarkan pada awal tahun 2016. Dalam usaha untuk membangunkan transformasi PLKN yang baharu, sebanyak 75 orang peserta mewakili agensi kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO) dan sektor swasta mengambil bahagian dalam Makmal Transformasi PLKN yang dianjurkan pada Mac lalu, antara pihak yang terlibat termasuklah pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Sumber Manusia, Universiti Malaya (UM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

PLKN dengan pendekatan baharu akan memberikan fokus utama dalam penggabungan agenda nasional dengan pembangunan individu untuk menjadikan PLKN sebagai suatu program yang holistik dan mempunyai nilai tambah yang lebih baik. Menurut Dato' Seri Hishammuddin, semua proses model tersebut sedang berjalan seperti yang dirancang sebelum ini. Tambah beliau, pada awalnya, terdapat 50 inisiatif

baharu berkaitan dengan modul latihan dan kaedah urus tadbir yang dicadangkan, tetapi selepas proses penapisan dibuat, hanya 23 inisiatif baharu yang dikembangkan yang merangkumi empat bahagian yang berbeza, iaitu Program Pembelajaran Bersepadu, Jurulatih Berdedikasi, Fasilitas Berkualiti, dan Alumni Aktif.

Program Pembelajaran Bersepadu bertujuan untuk menyepadukan kemahiran fizikal dan bukan fizikal, kemahiran insaniah serta kemahiran berfikir; ujian dan penilaian aptitud, iaitu suatu ujian untuk menilai kemahiran atau kebolehan semula jadi seseorang atau bakat terpendam seseorang yang memainkan peranan sebagai panduan untuk pelatih memilih pekerjaan atau menyumbang pengajian dengan kursus yang sesuai dengan kebolehan mereka; dan memperoleh pensijilan latihan kemahiran teknikal. Semua inisiatif tersebut bertujuan untuk membangunkan Program Pensijilan Latihan Kemahiran Teknikal Bersepadu yang secara langsung akan menawarkan pilihan yang menepati keperluan pasaran pekerjaan pada masa ini. Selain itu, kerajaan menetapkan 10 program baharu dalam fasa pertama Program Teras PLKN, iaitu orientasi atau konvokeyen, Fit4Life, Pengajian Perkhidmatan, I-Upgrade, Be Safe-Be Alert, Tech+Talk, Malaysiaku, My Future, Kerohanian dan Persekitaran Pembelajaran.

Bagi melahirkan pelatih yang cemerlang dan mempunyai semangat jati diri yang tinggi serta menjadi harapan nusa dan bangsa, jumlah jurulatih PLKN sebanyak 2977 orang dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu 1503 orang daripadanya bakal ditempatkan di bahagian jurulatih pelbagai kemahiran yang terdiri daripada jurulatih sambilan dan jurulatih kontrak. Sementara itu, sebanyak 1474 orang jurulatih fizikal, iaitu dua peratus daripadanya terdiri daripada pekerja sambilan dan selebihnya terdiri daripada jurulatih kontrak.

Bagi mengatasi isu kualiti jurulatih yang sebelum ini dikatakan kurang memuaskan, kerajaan memperkenalkan enam inisiatif baharu merentasi bidang utama yang bakal dibangunkan tidak lama lagi. Bidang tersebut merangkumi undangan panel temu duga yang diwakili empat orang ahli luar dan dalaman, iaitu pakar kejurulatihan, pakar khusus, wakil daripada Bahagian Sumber Manusia JLN dan wakil dari Bahagian Pembangunan Kerjaya Jabatan Perkhidmatan Awam.

Proses pemilihan panel temu duga yang baharu mengandungi kriteria dan syarat yang ketat bagi menjamin ahli panel yang berkualiti. Mereka mestilah berumur 40 tahun ke atas dan mempunyai latar belakang dalam sektor keselamatan, mempunyai kepakaran khusus selama lima tahun dan mempunyai pengalaman bekerja selama 10 tahun. Calon penemu duga yang dipilih juga mestilah terdiri daripada mereka yang mempunyai kelulusan ijazah sarjana atau sarjana muda dalam perniagaan, latihan dan pembangunan, ekonomi, komunikasi, psikologi, sains sosial, dan kesihatan. Bagi melahirkan jurulatih yang berdedikasi, Akademi JLN ditubuhkan untuk menjadi peneraju akademi latihan khusus bagi aktiviti yang mempunyai hubungan kait

dengan PLKN. Latihan di Akademi JLN dijalankan melalui perkongsian kepakaran dengan agensi pendidikan kerajaan dan institusi bagi memastikan pensijilan mempunyai nilai tambah di luar JLN. Akademi JLN turut saling berganding bahu bersama-sama dengan beberapa pihak luaran, seperti JPA, Kementerian Belia dan Sukan, Angkatan Tentera Malaysia, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Jabatan Pembangunan Kemahiran.

Sejak PLKN dilaksanakan pada tahun 2004, pengenalan piawai kualiti yang berbeza mengikut keperluan menjadikan tahap kualiti juga tidak sama di setiap kem. Oleh hal yang demikian, bagi membaiki pulih jurang berkaitan fasiliti PLKN, kerajaan turut membangunkan tujuh inisiatif merentasi tiga bidang utama. Bagi bidang kawalan kualiti, pihak yang bertanggungjawab akan membuat penambahbaikan proses pemeriksaan untuk bersedia penggunaan keseluruhan kem, infrastruktur, makanan dan kebersihan. Pihak PLKN juga akan menjalankan sistem penilaian kualiti yang baharu dengan pelaksanaan sistem grad dan mekanisme untuk memberikan maklum balas. Selain itu, aliran pengurusan penyelenggaraan baharu juga akan memberikan keutamaan kepada jumlah kes kerosakan dan penerapan piagam pelanggan. Bagi bidang pengurusan dalaman, PLKN menjalankan dua inisiatif, iaitu menerima proses maklum balas dalaman baharu daripada ibu bapa dan pelatih serta pelaksanaan prosedur operasi standard (SOP) semasa latihan dan selepas latihan.

Untuk mewujudkan kumpulan alumni yang aktif, PLKN melakukan beberapa perubahan terhadap brigid sukarelawan khidmat negara (BSKN) yang ditubuhkan sejak tahun 2012. Sistem pengesanan alumni yang lemah serta sistem pentadbiran dan pengurusan yang kurang cekap memberikan impak yang amat ketara terhadap penyertaan keseluruhan alumni PLKN. Perkara ini dapat dibuktikan melalui penyertaan pelatih PLKN yang kurang menggalakkan, iaitu hanya 21 peratus daripada jumlah keseluruhan 837 712 orang pelatih yang berdaftar dengan BSKN. Sebanyak 656 864 orang pelatih lagi "hilang" dan tidak bergerak aktif sebagai alumni. Oleh itu, PLKN menubuhkan entiti tunggal yang baharu untuk mengurus alumni PLKN. Entiti ini mampu menjalinkan alumni PLKN di seluruh negara. Kerajaan menyarkannya pada tahun 2020, sebanyak satu juta orang alumni berdaftar dengan BSKN. Transformasi PLKN juga dapat direalisasikan apabila BSKN bakal menyediakan pelbagai aktiviti yang menarik untuk memastikan komuniti alumni senantiasa kekal aktif dan dapat memberikan sumbangan kepada masyarakat secara berterusan, maka sistem pengurusan pangkalan data juga perlu diurus secara dinamik.

Melalui Transformasi PLKN, kerajaan yakin BSKN akan menjadi sebuah badan yang bertindak sebagai penasihat kepada PLKN, mendukung patriotisme, dan bergiat aktif dalam aktiviti kesukarelaan. Yang lebih penting, BSKN juga mampu menambahbaikan imej PLKN. Transformasi PLKN yang baharu yang bakal bermula pada tahun 2016 diyakini akan mendatangkan impak yang besar terhadap generasi muda dan negara. **RM**

BIL. 9/2015 DEWAN MASYARAKAT

DEWAN MASYARAKAT BIL. 6/2015

Education - Curriculum

Control No : 0000274763

Ps : 22-23

file name : MA/education/2015/EDU2015A05.pdf